MAHATHIR-TINDAKAN
(1) 1981

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) - - DATUK SERI DR.MAHATHIR HARI INI MENYERU DIADAKAN SATU AGENDA TINDAKAN DAN KESANGGUPAN BERTINDAK OLEH SEMUA KERAJAAN DAN MASYARAKAT DUNIA TERHADAP BIDANG-BIDANG PEMBANGUNAN DAN MASALAH-MASALAH YANG DIKENALPASTI OLEH AGENSI-AGENSI ANTARABANGSA DAN RANTAU.

BELIAU BERKATA SEMINAR-SEMINAR DAN PERSIDANGAN-PERSIDANGAN DIPERINGKAT KEBANGSAAN, RANTAU DAN ANTARABANGSA TELAH DIADAKAN DAN BERBAGAI-BAGAI PENYELIDIKAN TELAH DIJALANKAN DI BIDANG-BIDANG PERKEMBANGAN DAN MASALAH-MASALAH YANG DIKENALPASTI.

+APA YANG PERLU SEKARANG IALAH SATU AGENDA BAGI TINDAKAN DAN KESANGGUPAN UNTUK BERTINDAK BUKAN SAHAJA OLEH KERAJAAN BERJIWA KEBANGSAAN TETAPI J'JGA OLEH MASYARAKAT DUNIA, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEMASA MELANCARKAN PUSAT PERKEMBANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI ASIA DAN PASIFIK (APDC) BERHARGA $6.05 JUTA DI PERSIARAN DUTA DI SINI. APDC IALAH HASIL INTEGRASI EMPAT INSTITUSI S ANTU DAHULU BAGI PERKEMBANGANN, PENYELIDIKAN DAN LATIHAN.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA KERJA -KERJA AWAL PUSAT TERSEBUT AKAN DITUMPUKAN DIBIDANG TENAGA KESELAMATAN MAKANAN, SUMBER-SUMBER MANUSIA DAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN - PERKARA-PERKARA YANG MEMPUNYAK PENENTINGAN KEPADA NEGARA-NEGARA DI RANTAU ASIA DAN PASIFIK.

—BERSAMBUNG 1447/AN

B543
MAHATHIR-TINDAKAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA: +KITA TIDAK LAGI BOLEH MENGANGGAP KEBANYAKAN DARI MASALAH KITA HARI INI SEBAGAI CUMA UNTUK NEGARA-NEGARA ATAU RANTAU TERTENTU.

+MASA DEPAN KEMAKMURAN SESEBUAH NEGARA SANGAT BERGANTUNG KEPADA NEGAR-NEGARA LAIN SAMA SEPERTI MASALAH ATAU KEMUNGKINAN KEMUSNAHAN SESEBUAH NEGARA ADALAH JUGA BERGANTUNG KEPADA NEGARA -NEGARA LAIN+.

BELIAU KEMUDIAN MENEKANKAN BAHAWA PERGANTUNGAN ANATARA SATU DENGAN LAIN HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI SATU FAEDAH BAGI KEBAIKAN DAN KEMAKMURAN BAGI SEMUA PIHAK DAN BUKAN SEBAGAI PELUANG DAN RANGKA BAGI MEMPERALAT OLEH NEGARA-NEGARA YANG LEBIH KUAT.

BELIAU JUGA BERKATA MATALAMAT UTAMA APDC IALAH UNTUK MEMPERKUKUHKA INSTITUSI-INSTITUSI PENYELIDIKAN DAN LATIHAN PEMBANGUNAN KEBANGSAAN DAN BERKATA PENYERTAAN INSTITUSI-INSTITUSI KEBANGSAAN DALAM AKTIVITI-AKTIVITI APDC BOLEH MENJADI RANCANGAN PENTING BAGI MENCAPAI MATALAMAT INI. 12

BAGAIMANAPUN PUSAT TERSEBUT DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEBANGSAAN KATANYA HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN BAGI MEMASTIKAN BAHAWA PENDEKATA INI AKAN MEMPERHEBATKAN LAGI PERANAN DAN KESAN INSTITUSI KEBANGSAAN INI NEGARA MASING-MASING.

—BERSAMBUNG 1452/AN

B671
MAHATHIR-ETIKA 3 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU PENGERUSI FIMA DATUK HAJI BASIR ISMAIL DALAM UCAPANNYA BERKATA HASIL JUALAN FIMA DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA MENJELANG AKHIR TAHUN INI DIJANGKA MENINGKAT KEPADA KIRA-KIRA $150 JUTA IAITU MENINGKAT DUA SETENGAH KALI BERBANDING DENGAN TAHUN LALU.

KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI OLEH SYARIKAT ITU JUGA AMAT MEMUASKAN, TAMBAHNYA. BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENYEBUT SEBARANG ANGKA.

MENURUTNYA FIMA KINI MEMPUNYAI 24 BUAH ANAK SYARIKAT YANG BERKECIMPUNG DALAM EMPAT LAPANGAN IAITU PERLADANGAN, PENGELUARAN DAN PEMBUNGKUSAN, TANGKI SIMPANAN DAN PERDAGANGAN.

DATUK HAJI BASIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN CENDERAMATA PERPISAHAN KEPADA DATUK SERI DR.MAHATHIR. DATUK SERI DR.MAHATHIR MENJADI PENGERUSI FIMA SELAMA SEMBILAN TAHUN IAITU SEJAK PENUBUHANNYA PADA 23 NOV. 1972. BELIAU MELETAKKAN JAWATAN PENGERUSI SYARIKAT ITU PADA 17 OGOS LALU.

DATUK SERI DR.MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN CENDERAMATA PENGHARGAAN KEPADA TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK LEW SIP HON IAITU BEKAS PENGERUSI KOTAK MALAYSIA (ANAK SYARIKAT FIMA) DAN BEKAS LEMBAGA PENGARAH FIMA DAN KEPADA ENCIK TEE KONG YONG, BEKAS PENGURUS BESAR KOTAK MALAYSIA.

TURUT SAMA DI MAJLIS ITU IALAH DATIN SERI DR.SITI HASMAH DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN.
-BERNAMA 2335/AN

B548
MAHATHIR TINDAKAN 3 KUALA LUMPUR

+DENGAN ITU HANYALAH SESUAI BAGI SAYA MENYEBUT PERKARA INI OLEH KERANA ADA KEMUNGKINAN PERANAN INSTITUSI-INSTITUSI KEBANGSAAN DIKURANGKAN KEPADA LEBIH MENYOKONG INSTITUSI-INSTITUSI ANTARABANGSA SELAIN DARI MENYOKONG ANTARA SATU DENGAN LAIN.

+SAYA PERCAYA BAHAWA BAGI PERKEMBANGAN PERANAN MENYOKONG ANTARA SATU DENGAN LAIN, PUSAT INI HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN YANG CUKUP KEPADA KEPERLUAN DAN KEHENDAK INSTITUSI-INSTITUSI KEBANGSAAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN KURANG DARI SEGI PENYELIDIKAN YANG BERORIENTASIKAN PERKEMBANGAN OLEH KERANA BEBERAPA SEBAB SEPERTI KEKURANGAN INSTITUSI PENYELIDIKAN KEBANGSAAN, KEKURANGAN PENGALAMAN DAN PARA PENYELIDIK TEMPATAN YANG CEKAP DAN KEKURANGAN GALAKAN SERTA SUASANA UNTUK PENYELIDIKAN.

+BANYAK NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DENGAN ITU MENJADI TUMPUAN PERHATIAN PENYELIDIK-PENYELIDIK ASING, TERUTAMA SEKALI PARA PELAJAR YANG SEDANG MEMBUAT PENYELIDIKAN BAGI IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN MEREKA ATAU YANG MEMPUNYAI TUJUAN YANG BOLEH DIPERSOALKAN APABILA MEREKA CUBA UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN MEMANG TIDAK BERUPAYA UNTUK MENGHADAPI PEMBANGUNAN+ KATANYA.

—BERSAMBUNG 1519/AN

MAHATHIR-TINDAKAN 4 KUALA LUMPUR

DENGAN ITU, KATA PERDANA MENTERI, INSTITUSI-INSTITUSI KEBANGSAAN HENDAKLAH MEMBERIKAN MINAT YANG LEBIH DALAM PENYELIDIKAN DAN MEMBINA KEUPAYAAN PENYELIDIKANNYA SENDIRI.

LANGKAH-LANGKAH POSITIF, KATA BELIAU, HENDAKLAH JUGA DIAMBIL UNTUK MERAPATKAN INSTITUSI-INSTITUSI KEBANGSAAN SUPAYA PROJEK-PROJEK PENYELIDIKAN BOLEH DISELARASKAN DENGAN LEBIH BAIK, UNTUK MENGELAKKAN DUPLIKASI DAN PEMBAZIRAN, DAN KEGUNAAN KEPUTUSAN PENYELIDIKAN DENGAN LAIB UNTUK RUMUSAN DASAR DAN MEMBUAT KEPUTUSAN.

MENYENTUH TENTANG LATIHAN, BELIAU BERKATA SEMENTARA SISTEM PELAJARAN [illegible] MENEKANKAN PENGETAHUAN, INSTITUSI-INSTITUSI LATIHAN BIASANYA MENGEKATKAN KEPAKARAN.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN BAHAWA ADALAH PERLU BAGI TENAGA UNTUK PEMBANGUNAN DIIRINGI BERSAMA PENGERTIAN MORAL DAN ETIKA.

PERDANA MENTERI BERKATA: PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN MESTILAH, BAGI KEPENTINGAN PEMBANGUNAN YANG BAIK, DIGUNAKAN DALAM KONTEK MORAL DAN ETIKA YANG BAIK YANG JUGA HENDAKLAH TIDAK TERASING DARI MASYARAKAT TERTENTU.

—BERSAMBUNG 1524/AN